

Sekolah kluster London jadi ikutan

B.H 11/05/07 M/S 15

Banyak elemen positif boleh diguna pakai tingkat kecemerlangan pendidikan

Oleh Azrul Affandi Sobry

KEISTIMEWAAN dan kecemerlangan sekolah kluster atau Kelompok Sekolah Cemerlang (KSC) di London boleh dipraktik dan diguna pakai di negara ini. Antara paling menyerlah ialah aspek kepemimpinan iaitu pengetua sekolah kluster di sana mempunyai kebolehan luar biasa yang jarang dimiliki pengetua sekolah biasa.

Selain itu, sekolah kluster di London diletakkan di bawah pengawasan majlis daerah atau pihak berkuasa tempatan yang berperanan membantu sekolah dalam pelbagai hal termasuk penyaluran bantuan. Satu perkara yang lebih menarik ialah sekolah itu turut mempunyai lembaga pengelola yang dilantik di kalangan penduduk setempat dan ibu bapa. Malah, pemilihan guru di sana juga diiklankan sendiri oleh pihak lembaga ini.

Sekolah itu juga berperanan membimbing beberapa sekolah lain dalam kelompoknya dan ada antaranya berkongsi kepakaran dengan meminjamkan guru mahir dalam sesuatu bidang serta tiada masalah berkongsi teknologi yang mereka ada.

Ini adalah antara hasil pemerhatian lawatan kerja rombongan anjuran Kementerian Pelajaran diketuai Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Jabatan Sekolah), Datuk Alimuddin Mohd Dom ke beberapa sekolah kluster di sekitar London baru-baru ini. Rombongan itu terdiri daripada beberapa pegawai kanan kementerian termasuk jemaah nazir sekolah dengan fokus penelitian mengenai bandar-bandar di

tidak kekok memegang bahu pelajar ketika berbual.

“Ini menambahkan kemesraan pelajar dan guru dengan pengetua. Secara psikologi, memanggil nama seseorang akan lebih memesrakan perhubungan. Keceriaan juga sangat terserlah sepanjang perbualan kami dengan pengetua itu yang menunjukkan mereka begitu gembira dan bersemangat berkhidmat di situ.

“Malah, difahamkan sebelum mereka memimpin sekolah itu, ia belum menerima taraf sekolah kluster. Ini bermakna kemasukan pemimpin cemerlang mampu membawa kecemerlangan kepada sesebuah sekolah,” katanya.

Beliau berkata, peranan lembaga pengelola sekolah kluster di London hampir sama seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di negara ini, tetapi bidang kuasa mereka lebih besar kerana lembaga ini boleh melantik dan memecat pengetua berdasarkan kehendak mereka.

Katanya, jemaah nazir di sana mempunyai sistem penarafan untuk mengkelaskan sekolah mengikut pencapaiannya dan semua maklumat berkenaan akan dipaparkan di laman web khas yang boleh dilayari sesiapa saja terutama ibu bapa.

“Di negara kita pun ada sistem penarafan sebegini, cuma semua maklumat itu adalah rahsia dan tidak dimaklumkan kepada umum. Pilihan sekolah di Malaysia terhad berbanding di London. Di sana, kawasan pedalaman ada beberapa sekolah dan pilihan lebih banyak. Maklumlah, negara mereka sudah lama diiktiraf sebagai negara maju.

di dalam kelas bersama guru. Malah, turut diadakan kelas memasak dan kelas dewasa yang disediakan pihak sekolah kepada ibu bapa. Kegiatan kokurikulum termasuk sukan juga begitu mantap kerana ibu bapa yang pakar dalam sesuatu bidang akan turut sama menghulurkan bantuan,” katanya.

Mengambil inisiatif daripada hasil pemerhatian ketika lawatan itu, kementerian berpendapat beberapa elemen boleh diaplikasikan di sekolah kluster negara ini, terutama membabitkan kepemimpinan dan Institut Aminuddin Baki (IAB) sudah bersedia memberikan kursus dari semasa ke semasa untuk melaksanakannya.

Selain itu, pemimpin sekolah kluster juga diminta memantapkan perhubungan dengan PIBG dan komuniti setempat serta tidak menafikan kepentingan guru dalam memainkan peranan menterjemahkan kecemerlangan yang dihasratkan kementerian. Bahagian Pendidikan Guru (BPG) akan menjalankan pelbagai kursus intensif bagi memastikan guru sekolah kluster menguasai pelbagai bidang seperti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

“Kemudahan ICT akan dimantapkan dan kementerian berharap setiap kelas dilengkapi papan elektronik untuk melancarkan lagi penyampaian pendidikan di sekolah kluster. Namun, seperti yang dimaklumkan sebelum ini, kementerian tidak akan membantu segala keperluan kewangan kerana pengetua sendiri perlu menggunakan segala kecemerlangannya untuk memastikan

hasrat mereka tercapai.

“Mereka (pengetua dan guru besar) adalah di kalangan pengetua cemerlang yang akan menerima kenaikan gred. Jadi, mereka pasti cemerlang dan tahu berfikir untuk memantapkan sistem pendidikan di sekolah mereka sendiri. Kementerian hanya memberi pengiktirafan, bukan beri semuannya.

“Apa yang kami lihat di London akan cuba dilaksanakan di sini, tetapi bukan semua sesuai kerana negara ini masih banyak kekangan dan halangan lain yang perlu dipertimbangkan, tetapi kementerian akan berusaha merealisasikan semua kaedah itu dari semasa ke semasa,” katanya.

Beliau berkata, September ini, semua pengetua dan guru besar sekolah kluster akan dibawa ke London untuk melihat sendiri konsep di sana dan berharap mereka memperoleh ilham untuk dipraktikkan di sekolah masing-masing.

Mengulas mengenai tawaran permohonan sekolah lain untuk mengisi baki 270 sekolah kluster lain pada tahun ini, Alimuddin berkata, kementerian sudah menghantar pekeliling kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan permohonan akan dibuka dalam masa terdekat kerana semua perkara yang perlu diperhalusi sebelum ini sudah diselesaikan Lembaga Penasihat Kluster Kecemerlangan.

Kumpulan pertama 30 sekolah kluster diumumkan 30 Mac lalu yang akan menerajui kecemerlangan dan mewujudkan dimensi baru dalam pengurusan institusi pendidikan milik kerajaan di negara ini.

penelitian menjurus kepada kaedah pengurusan dan pelaksanaan konsep kluster di sana.

Enam sekolah kluster yang dikunjungi ialah Millfields Community School, Ramens Wood School, Brixham Community College, Chace Community School, The Mayflower High School dan Horley Learning Partnership.

Alimuddin berkata, banyak perkara positif diserlahkan sepanjang lawatan itu yang boleh diguna pakai di negara ini.

“Pengetua sekolah kluster di sana boleh menghafal dan menyebut nama satu persatu guru dan pelajar di sekolahnya dan setiap kali dia berbual dengan pelajar atau guru, nama akan disebut. Pengetua juga

“Apa yang lebih menarik lagi, sekolah kluster di sana mempunyai pembantu guru bagi setiap kelas yang hanya menempatkan sejumlah 20 pelajar. Jadi, sudah pasti fokus guru terhadap pelajar juga lebih baik dan kecemerlangan lebih mudah dicapai,” katanya.

Alimuddin berkata, sistem peperiksaan juga mengambil kira pengumpulan markah daripada semua peperiksaan bulanan yang dijalankan, berbeza dengan negara ini yang hanya mengambil kira peperiksaan akhir tahun.

“Namun, perkara asas yang amat kami hormati ialah komuniti di sana cukup rapat dengan pihak sekolah, malah tiada masalah untuk ibu bapa membantu mengajar anak

FAKTA NOMBOR

Lawatan ke sekolah kluster

6

Sekolah kluster dikunjungi

20

Pelajar dalam satu kelas sekolah kluster



TUMPU PERHATIAN: Pelajar mengikuti pembelajaran dalam kelas di sebuah sekolah kluster di London.

ia memberi kuasa autonomi untuk pengetua dan guru besar membabitkan kurikulum, kewangan, pemilihan guru dan murid. Kuasa itu bersifat autonomi terpinip iaitu tidak boleh menyangkutkan pelajar sesuka hati, tetapi pengetua dan guru besar diberi kebebasan menentukan aras pencapaian sendiri.

Malah, guru boleh ditukarkan ke sekolah lain jika tidak menunjukkan prestasi baik sepanjang berkhidmat di situ, selain memastikan pelajar bersifat holistik iaitu menguasai pelbagai aspek dengan baik dan tidak terlalu mengutamakan akademik.

Begitu pun, nama sekolah kluster masih dianggap baru di negara ini, malah jika dirujuk kepada kebanyakan pihak, masih ramai terpinga-pinga dengan membuat definisi sendiri dan tidak kurang juga menantikan perubahan yang berlaku di 30 sekolah perintis itu.

Bagi yang masih tidak memahami konsep sebenar kluster akan beranggapan pemilihan sekolah kluster nanti akan disertai banyak perubahan sama ada dari aspek kemudahan, tenaga kerja atau apa saja yang mampu menzahirkan kelainan mendadak terhadap sekolah yang terpilih.

Inilah perkara yang amat dibimbangi Kementerian Pelajaran kerana pada hakikatnya KSC hanya membabitkan pemilihan sekolah yang sudah terbukti cemerlang dan ia akan diberi beberapa kelebihan seperti kuasa autonomi terpinip dan pemantauan menyeluruh kementerian.

Namun, soal lain seperti kewangan dan kemudahan, kebijaksanaan dan kecemerlangan pemimpin iaitu pengetua atau guru besar akan memainkan peranan penting untuk memantapkannya. Elemen inilah yang masih menjadi masalah kepada kementerian untuk memberi kefahaman kepada semua pihak terutama pemimpin sekolah yang akan diberi tanggungjawab itu.

Hasil lawatan ke London itu mendapati, banyak elemen positif yang digunakan beberapa sekolah kluster di sana dan ia mampu diterjemahkan dalam bentuk yang lebih berkesan di negara ini.

Bagaimanapun, masih ada banyak kaedah yang digunakan di sana tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia walaupun ia ternyata sangat positif. Ia mungkin kerana mentaliti rakyat dan pentadbir sekolah masih sukar untuk keluar daripada kepongong sistem sedia ada.